

12/09/2003

Pendidikan kekal penerima terbesar peruntukan bajet

Azizi Othman

KUALA LUMPUR: Sektor pendidikan dijangka kekal sebagai penerima terbesar peruntukan Bajet 2004 yang akan dibentangkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen, petang ini.

Selain meneruskan kesinambungan strategi mengutamakan pendidikan, bajet kali ini juga dijangka memperkenalkan beberapa kemudahan untuk pelajar melanjutkan pendidikan ke peringkat tertinggi dalam bidang kemahiran vokasional.

Tahun lalu, sektor pendidikan menerima peruntukan RM5 bilion atau kira-kira 27 peratus daripada peruntukan pembangunan bagi digunakan untuk tempoh lima tahun bermula 2003 hingga 2008.

Dalam bajet terakhirnya sebagai Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dr Mahathir dijangka turut mengumumkan pembayaran bonus kepada lebih 950,000 kakitangan awam sebagai menghargai sumbangan mereka dan merangsang ekonomi domestik.

Tahun lalu, kakitangan awam menerima pembayaran bonus sebulan gaji yang dibayar dua kali.

Bagaimanapun, bajet kali ini dijangka tidak membabitkan kenaikan cukai kecuai tembakau dan arak, yang cukainya tidak dinaikkan sejak kira-kira tiga tahun lalu.

Selaras teras bajet 2004 yang bertumpu ke arah menangani cabaran masa depan, kerajaan dijangka memberi pelbagai kemudahan pembiayaan bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat.

Pembiayaan itu termasuk bagi pembelian rumah mampu milik, perusahaan kecil dan sederhana, sektor pertanian, perkhidmatan modal teroka, ekonomi luar bandar serta usahawan wanita.

Usaha mempermudah capaian juga akan dilaksanakan bagi merangsang pertumbuhan sektor swasta tempatan dalam memastikannya dapat penyumbang kepada ekonomi negara.

Ia juga sejajar usaha kerajaan memberi galakan untuk sektor korporat sebagai persediaan memindahkan kembali tugas memacu pertumbuhan ekonomi, daripada sektor kerajaan kepada swasta.

Harapan sektor swasta untuk melihat cukai korporat diturunkan daripada paras semasa 28 peratus mungkin tidak menjadi kenyataan kerana kos keseluruhan menjalankan perniagaan di Malaysia umumnya masih berdaya saing.

Sebaliknya, Bajet 2004 dijangka meningkatkan siling kadar cukai keutamaan 20 peratus yang diberikan kepada Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) bagi RM100,000 pertama.

Ini bertujuan memastikan insentif itu dinikmati usahawan yang mengeluarkan produk tempatan bagi membantu meningkatkan daya saing mereka di peringkat global.

Bagaimanapun, dijangka paling menonjol dalam bajet Dr Mahathir kali ini ialah ia akan menjadi teras kepada pendekatan baru kerajaan dalam pengurusan ekonomi negara.

Bajet 2004 ini dijangka menjadi warisan beliau dalam membentuk keseluruhan struktur ekonomi yang mantap dan bukannya memberi habuan jangka pendek kepada rakyat.

Sehubungan itu, Perdana Menteri dijangka mencadangkan pelaksanaan penggunaan beberapa pendekatan tersendiri bagi menangani cabaran dan permasalahan negara.

Walaupun kekal menjurus kepada usaha memperkasa sektor swasta sebagai persediaan mengambil alih teraju pembangunan ekonomi negara, bajet kali ini mempunyai keunikan tersendiri.

Ini kerana ia akan berganjak daripada strategi biasa yang menjurus pendekatan berbentuk satu penyelesaian kepada semua masalah sosio-ekonomi

rakyat.

Sebaliknya, Dr Mahathir dijangka merangka strategi khusus bagi setiap segmen ekonomi untuk menjamin ia sampai tepat kepada kumpulan sasar tanpa menggugat kestabilan segmen yang sudah sedia kukuh.

Ia dijangka menggabungkan kedua-dua rejim fiskal dan kewangan secara seimbang dalam mencapai matlamat mengurangkan keseluruhan defisit bajet negara tanpa menjejaskan pertumbuhan.

Seperti dilaporkan sebelum ini, kerajaan dijangka mengurangkan defisit bajet 2003 negara yang berjumlah 5.6 peratus nilai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), kepada paras kurang empat peratus.

Pada masa yang sama, strategi bajet kali ini dijangka meningkatkan lagi kadar pertumbuhan ekonomi negara daripada 4.5 peratus yang diunjurkan pada 2003 kepada antara lima dan enam peratus pada 2004.

Beberapa langkah khusus bagi membela nasib golongan tertentu yang memerlukan pembelaan turut dijangka diperkenalkan dalam bajet kali ini.

Ia termasuk meningkatkan pendapatan rakyat miskin luar bandar menerusi galakan khusus dalam sektor pertanian serta mewujudkan konsep baru pegangan saham syarikat bagi peneroka FELDA.

Bagi sektor perkhidmatan, Dr Mahathir dijangka mencadangkan pemberian insentif caj telekomunikasi yang sememangnya menjadi komponen penting kos operasi mereka.

Walaupun secara umumnya, Bajet 2004 mungkin bersifat menguncup dari segi perbelanjaan operasi, kerajaan dijangka menggunakan beberapa pendekatan baru bagi meningkatkan perolehan luar biasanya.

Langkah ini perlu bagi memastikan matlamat kerajaan untuk kembali semula membentangkan belanjawan berimbang dicapai dalam tempoh beberapa tahun lagi.